

HUBUNGAN SIKAP PELAJAR ANTARABANGSA DENGAN KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

NASROL HADI AHMAD SHUKERI*

Universiti Utara Malaysia

nasrol@uum.edu.my

CHE HASNIAH YA'ACOB

Universiti Utara Malaysia

chehasniah@uum.edu.my

MOHD AMMYRUL ASHRAF SAIRAN

Universiti Utara Malaysia

ammyrul@uum.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Pemeriksaan Bahasa melalui Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi 2023-2030 merupakan kesinambungan kepada dasar terdahulu. Pelan ini menetapkan kewajipan kepada pelajar antarabangsa untuk mengikuti kursus bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada komponen wajib dalam program pengajian mereka. Namun begitu, pencapaian pelajar antarabangsa dalam kursus ini khususnya dalam era globalisasi dan ledakan teknologi maklumat, masih berada pada tahap yang belum memuaskan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti sejauh mana sikap pelajar antarabangsa mempengaruhi penguasaan mereka terhadap kursus bahasa Melayu. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini melalui pengedaran soal selidik melalui platform *Google Form*. Teknik ini dipilih kerana lebih praktikal dan memudahkan proses pengumpulan serta penganalisan data oleh penyelidik. Hasil analisis data menunjukkan bahawa secara umum, pelajar mempunyai pandangan dan sikap yang positif terhadap kursus bahasa Melayu. Sementara itu, dari segi pengaruh sikap terhadap motivasi, dapatan kajian memperlihatkan bahawa motivasi instrumental merupakan dorongan utama dalam kalangan pelajar, meskipun motivasi integratif turut menyumbang kepada pemeliharaan minat mereka terhadap pembelajaran bahasa ini. Kesimpulannya, kajian ini membuka peluang kepada kajian seterusnya yang berkaitan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Melalui usaha berterusan serta penambahbaikan yang berasaskan kepada data empirikal, mutu pendidikan bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa berpotensi untuk terus diperkasa dan dimantapkan.

Kata kunci: Sikap; Motivasi; Bahasa Melayu; Pelajar Antarabangsa; Pembelajaran.

INTERNATIONAL STUDENTS' ATTITUDES AND THEIR EFFECTS ON MALAY LANGUAGE LEARNING OUTCOMES AT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

ABSTRACT

The Action Plan to Uphold the Malay Language as the Language of Knowledge in Institutions of Higher Learning (2023–2030) is a continuation of the earlier policies for the empowerment of the Malay Language. This plan mandate international students to undertake a Malay language course as a compulsory component of their academic programmes. However, the performance of international students in this course, particularly in the context of globalization and rapid technological advancement, has yet to reach a satisfactory level. Therefore, this study was conducted to examine the extent to which students' attitudes influence their mastery of the Malay language course. A quantitative approach was employed, utilizing an online questionnaire distributed through the Google Form platform. This technique was chosen for its practicality and efficiency in facilitating both data collection and analysis by the researcher. The findings revealed that, in general, students held a positive attitude towards the Malay language course. In terms of the influence of attitude on motivation, the results indicated that instrumental motivation emerged as the primary driving force among the students, although integrative motivation also played a role in sustaining their interest in learning the language. In conclusion, this research provides a foundation for further studies on teaching and learning approaches for the Malay language among international students. Through continuous efforts and evidence-based improvements, the quality of Malay language education for international learners can be further strengthened and enhanced.

Keywords: Attitude; Motivation; Malay Language; International Students; Learning.

PENGENALAN

Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Institusi Pengajian Tinggi 2023 hingga 2030 merupakan kesinambungan kepada dasar terdahulu bagi memperkukuh kedudukan bahasa Melayu warga akademik di peringkat institusi pengajian tinggi (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2023). Salah satu inisiatif penting yang terkandung dalam pelan tersebut ialah pelaksanaan kursus bahasa Melayu sebagai kursus wajib kepada pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di Malaysia. Walaupun pelaksanaan kursus ini diwajibkan, bentuk dan kandungan kursus yang ditawarkan berbeza mengikut institusi. Contohnya seperti Bahasa Melayu Komunikasi, Bahasa Melayu untuk Penutur Asing, Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa, dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing. Ini menunjukkan wujudnya variasi dari segi pendekatan dan pelaksanaan yang disesuaikan dengan keperluan institusi dan pelajar.

Dalam konteks Universiti Utara Malaysia (UUM), pelajar antarabangsa program sarjana muda diwajibkan mengambil kursus MPU1032 Bahasa Melayu Asas untuk Penutur Asing. Ia selaras dengan ketetapan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang mewajibkan pelajar antarabangsa mengikuti kursus bahasa Melayu. Kursus ini mula diperkenalkan dan dijadikan kursus wajib lulus kepada pelajar antarabangsa bermula pada sesi pengajian 2023/2024 Menariknya, pelajar yang mengikuti kursus ini

berlatarbelakangkan pelbagai sosiobudaya, dan program. Kepelbagaian ini menjadi cabaran dan kekuatan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus bahasa Melayu disebabkan keupayaan dan pengalaman berbahasa para pelajar yang tidak sama.

Selain itu, penawaran kursus ini bermatlamatkan untuk membangunkan kemahiran asas pelajar antarabangsa dalam aspek berbahasa iaitu membaca, mendengar, bertutur, dan menulis dalam bahasa Melayu. Di samping itu, pelajar juga diharapkan dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dalam situasi harian dengan menggunakan struktur bahasa yang mudah dan sesuai. Namun begitu, pelaksanaan kursus ini turut berdepan dengan pelbagai cabaran yang melibatkan tahap motivasi, sikap pelajar, dan keberkesanan pendekatan pengajaran. Justeru, pernyataan masalah kajian ini bertumpu kepada penentuan hubungan antara sikap pelajar antarabangsa dengan keberkesanan penguasaan bahasa Melayu, dan seterusnya menilai implikasi sikap tersebut terhadap kejayaan dasar memperkasa bahasa Melayu di IPT.

Dalam menentukan tahap penguasaan dan keberkesanan proses pembelajaran, sikap pelajar terhadap bahasa memainkan peranan penting. Kajian oleh Norul & Nik Ahmad (2021) menunjukkan bahawa sikap positif pelajar antarabangsa terhadap bahasa tempatan menyumbang kepada pencapaian akademik dan integrasi budaya yang lebih berkesan. Namun, dalam konteks bahasa Melayu, dapatan kajian seperti yang dibentangkan oleh Mohd. Aziz & Faisal (2024) mendapati bahawa masih wujud kekangan dari sudut motivasi dan penerimaan pelajar asing terhadap bahasa Melayu, terutama apabila bahasa tersebut tidak dilihat sebagai alat utama komunikasi global atau keperluan kerjaya mereka. Keadaan ini menimbulkan kerisauan terhadap impak jangka panjang dasar pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa di IPT Malaysia.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti pengaruh sikap pelajar antarabangsa terhadap penguasaan bahasa Melayu di Universiti Utara Malaysia. Tumpuan kajian adalah kepada faktor-faktor yang membentuk sikap mereka serta cabaran yang dihadapi dalam mengikuti kursus bahasa Melayu asas. Kajian ini penting bagi menilai keberkesanan dasar pelaksanaan kursus bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa serta memberi cadangan penambahbaikan yang sesuai agar matlamat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dapat direalisasikan secara holistik dan inklusif.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan sikap pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa asing. Kajian Tan Hua An dan Tan Tiam Lai (2021) merupakan salah satu kajian relevan yang meneliti sikap dan persepsi pelajar antarabangsa terhadap pembelajaran bahasa Mandarin di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI). Hasil kajian mendapati responden memiliki motivasi instrumental dan integratif yang tinggi, yang seterusnya menjana sikap dan persepsi yang positif terhadap bahasa tersebut. Sikap positif ini didapati menjadi pemangkin kepada minat, pengambilan kursus, dan keinginan untuk meneruskan pembelajaran Bahasa Mandarin selepas tamat pengajian. Oleh itu, kajian ini menyarankan agar sikap dan persepsi positif tersebut diperkembangkan melalui perancangan penambahbaikan berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin di IPT tempatan.

Seterusnya, kajian oleh Ammar Asyraf Mansor (2020) yang bertajuk “Sikap Bahasa terhadap Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Melayu Singapura” turut relevan. Kajian tersebut meneliti kecenderungan pelajar Melayu di Singapura dalam memilih serta menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong sebahagian pelajar untuk kurang berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa sungguhpun majoriti responden menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Melayu, namun tahap sikap tetap berbeza mengikut pemboleh ubah yang dirumuskan dalam kajian tersebut.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh V. Ravindran M. Veloo dan Adenan Ayob (2024) bertujuan mengenal pasti pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap sikap, motivasi, dan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran pembelajaran yang penting dan sangat diperlukan oleh pelajar untuk berdaya saing pada abad ini. Pelbagai elemen dapat dikaitkan dalam kemahiran abad ke-21 ini. Pelbagai elemen diperlukan pada zaman teknologi ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar ketika mempelajari bahasa Melayu. Implikasi kajian ialah pembelajaran abad ke-21 memberi kesan positif kepada sikap dan motivasi pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Seterusnya kajian yang dijalankan Irma Mahad, Ugartini Magesvaran dan Intan Nur Syuhada Hamzah (2021) yang berkaitan dengan sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan” mendapatkan impak yang sangat positif. Kajian ini mendapati bahawa PdP dalam talian telah meningkatkan sikap dan motivasi murid untuk belajar bahasa Melayu. Pembelajaran bahasa Melayu berbantuan aplikasi digital ini menarik minat, sikap dan motivasi murid untuk mempelajari bahasa Melayu secara dalam talian di rumah. Faktor latar belakang sosioekonomi murid juga tidak mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu secara atas talian. Murid-murid Tahun 5 daripada keluarga B40, M40 dan T20 mempelajari bahasa Melayu seperti biasa. Jurang sosioekonomi tidak menghalang mereka untuk belajar bahasa Melayu secara dalam talian. Mereka menunjukkan sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara dalam talian. Penularan Covid-19 ini secara tidak langsung meningkatkan kreativiti guru atau pengajar untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka.

Sementara itu, kajian oleh Rosita Kunyo dan Ruhizan Mohammad Yasin (2021) adalah berkaitan dengan sikap dan motivasi pelajar terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran Bahasa Iban. Dalam kajian ini didapati penguasaan KBAT pelajar dalam Bahasa Iban masih berada pada tahap yang lemah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran Bahasa Iban berdasarkan faktor jantina, bangsa dan sekolah serta hubungannya dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa sikap dan motivasi terhadap KBAT perlu diterapkan agar pelajar dapat mengoptimumkan penggunaan minda sekali gus mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan.


Berdasarkan kajian-kajian lepas adalah jelas terdapat kelompongan kajian berkaitan sikap dan motivasi dalam mempelajari bahasa Melayu khususnya melibatkan pelajar peringkat pengajian tinggi. Kebanyakan kajian adalah lebih menumpukan kepada pelajar sekolah sama ada di peringkat rendah atau menengah. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi kelompongan tersebut dengan menumpukan kepada hubungan sikap dengan motivasi pelajar antarabangsa dengan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu di Universiti Utara Malaysia.

KERANGKA KAJIAN

Secara tuntasnya, penyelidikan berkaitan sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua lazimnya merujuk kepada Teori Gardner (1982). Melalui Model Sosial Psikologikal yang diperkenalkan olehnya, Gardner menegaskan bahawa pembelajaran bahasa kedua merupakan satu proses yang dipengaruhi secara mendalam oleh faktor sosial dan psikologi.

Model sosial psikologi yang diusulkan oleh Howard Gardner (1982) adalah berdasarkan *Theory of Multiple Intelligences* (Teori Kecerdasan Pelbagai), yang menyatakan bahawa kecerdasan manusia bukanlah satu dimensi tunggal, tetapi terbahagi kepada pelbagai jenis. Antaranya melibatkan kecerdasan

interpersonal dan intrapersonal, konsep sikap, serta motivasi instrumental dan motivasi integratif yang mempengaruhi karekter dan tingkah laku serta pembelajaran seseorang. Motivasi instrumental dan motivasi integratif merupakan dua jenis motivasi yang mempengaruhi cara seseorang belajar dan berinteraksi, terutama dalam konteks pembelajaran bahasa atau sosial. Teori sosio-psikologikal menekankan peranan faktor sosial dan psikologi dalam pembelajaran bahasa. Dalam teori sosio-psikologikal, sikap seseorang terhadap bahasa dan orientasi mereka (terhadap masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut) sangat mempengaruhi kejayaan pembelajaran bahasa. Sikap yang positif akan meningkatkan minat dan usaha dalam mempelajari bahasa, manakala sikap negatif boleh menjadi penghalang. Sikap ini biasanya terbentuk berdasarkan faktor sosial seperti hubungan antara kelompok etnik, identiti budaya, dan pengalaman sosial individu. Sikap yang positif boleh memacu motivasi seseorang ke arah kejayaan, sama ada motivasi integratif atau instrumental. Hal ini akan menentukan sejauh mana seseorang akan bertahan dan memberi komitmen dalam usaha mereka.



RAJAH 1. Model Sosial Psikologikal

KAEDAH PENYELIDIKAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui penggunaan instrumen soal selidik. Soal selidik yang digunakan telah diadaptasi berdasarkan instrumen yang dibangunkan berdasarkan kajian Siti Hajar Bidin et.al (2019). Borang soal selidik tersebut diedarkan secara tidak rawak kepada para pelajar menggunakan platform *Google Form*. Menurut Sabitha Marican (2005) sampel tidak rawak digunakan penyelidik bertujuan dengan sengaja untuk memilih sampel bagi mendapatkan jumlah sampel yang diwakili populasi. Dalam konteks kajian ini penyelidik memilih sampel dalam kalangan pelajar antarabangsa UUM yang mengambil kursus Bahasa Melayu Asas kepada Penutur Asing sahaja.

Pendekatan ini dipilih kerana lebih praktikal dan efisien, selain memudahkan proses pengumpulan serta pengurusan data secara lebih sistematik dan teratur oleh penyelidik. Instrumen soal selidik ini dibahagikan kepada dua komponen utama, iaitu:

a) Demografi Responden

Bahagian ini merangkumi lapan soalan berkaitan latar belakang demografi responden yang mengikuti

kursus Bahasa Melayu di UUM.

b) Sikap yang membantu penguasaan pembelajaran bahasa Melayu

Bahagian ini terdiri daripada 12 soalan yang menumpukan kepada aspek sikap pelajar dalam menyokong serta membantu mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di UUM.

Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Asas untuk Penutur Asing di UUM. Bilangan responden adalah seramai 27 orang, iaitu 16 orang lelaki dan 11 orang perempuan. Jadual 1 menunjukkan jumlah responden berdasarkan negara asal. Dapatan dibawah mendapati majoriti pelajar adalah dari negara Indonesia iaitu seramai 21 orang (77.78%) dan negara-negara lain yang masing-masing mewakili seramai satu (1) orang pelajar iaitu dari negara Bangladesh, China, Mesir, Libya, Nigeria dan Somalia.

JADUAL 1. Maklumat Demografi Responden Mengikut Negara Asal

NEGARA ASAL	BILANGAN	PERATUS (100%)
Bangladesh	1	3.70
China	1	3.70
Mesir	1	3.70
Indonesia	21	77.78
Libya	1	3.70
Nigeria	1	3.70
Somalia	1	3.70
Jumlah	27	100

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian dari aspek sikap pelajar antarabangsa menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menunjukkan sikap positif terhadap kursus bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat dari segi hubungan antara sikap dan motivasi. Jika diteliti dari segi pencapaian akademik, wujud hubungan positif yang signifikan antara sikap positif terhadap kursus serta tahap pencapaian pelajar. Pelajar yang menunjukkan sikap positif terhadap pembelajaran lazimnya akan mendapat keputusan yang lebih baik dan cemerlang dalam setiap bentuk pentaksiran yang dijalankan di dalam kelas. Dapatan ini selari dengan pandangan Gardner (1985) yang menegaskan bahawa sikap merupakan faktor afektif utama yang mempengaruhi motivasi serta prestasi pelajar dalam pembelajaran bahasa.

Hubungan antara sikap dan motivasi juga bersifat timbal balik. Sikap positif memperkuat motivasi kerana ia berkait rapat dengan pencapaian pelajar. Pada masa yang sama, motivasi yang kukuh membantu mengekalkan sikap positif walaupun berdepan kegagalan sementara. Apabila kedua-duanya bergabung, pencapaian pelajar akan lebih konsisten dan berkesan. Sikap positif membuka jalan kepada usaha yang berterusan, motivasi memastikan usaha itu tidak terhenti, dan kedua-duanya bersama-sama membentuk asas pencapaian yang kukuh. Pendidikan bukan sekadar soal pengetahuan, tetapi juga bagaimana sikap dan motivasi membentuk perjalanan seseorang pelajar menuju kejayaan.

Hubungan Sikap dalam Motivasi Integratif

Gardner (1985), menyatakan bahawa motivasi integratif ialah sikap yang positif terhadap budaya dan bahasa yang dipelajari sangat penting. Jika seseorang mempunyai minat yang mendalam untuk memahami

budaya lain, menghargai cara hidup, nilai, dan tradisi masyarakat lain, mereka lebih cenderung memiliki motivasi integratif. Sikap ini melibatkan keinginan untuk menjadi sebahagian daripada komuniti sosial yang menggunakan bahasa tersebut dan menunjukkan keterbukaan untuk belajar daripada orang lain. Sebagai contoh, pelajar bahasa yang bersikap positif terhadap komuniti penutur asli akan lebih mudah mempelajari bahasa tersebut dengan tujuan untuk berinteraksi secara sosial dan budaya. Sikap empati dan keinginan untuk berhubung dengan orang lain adalah elemen penting dalam motivasi integratif. Seseorang yang menunjukkan empati lebih mudah memahami perbezaan budaya dan akan lebih berjaya dalam mempelajari bahasa atau kemahiran baru kerana mereka ingin memahami dan menghargai perbezaan tersebut.

Berdasarkan soalan soal selidik yang dirangka, terdapat enam soalan yang berkaitan dengan hubungan sikap dalam motivasi integratif. Soalan soal selidik tersebut ialah bagi item nombor satu iaitu “Saya belajar bahasa Melayu kerana kehendak saya sendiri”, diikuti dengan item nombor tiga iaitu “Saya suka berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu dalam aktiviti seharian”. Seterusnya ialah item nombor empat iaitu “Saya ingin tahu lebih mendalam tentang bahasa Melayu”. Begitu juga bagi item nombor lapan iaitu “Saya bertekad melakukan ulang kaji selepas habis kelas bahasa Melayu”. Manakala “Saya suka jika pensyarah membantu saya menyiapkan latihan di dalam kelas” bagi item nombor sembilan dan akhir sekali ialah item nombor sebelas iaitu “Saya sangat meminati aktiviti pembelajaran bahasa Melayu.

Hubungan Sikap dalam Motivasi Instrumental

Gardner (1985) menyatakan bahawa pelajar yang bermotivasi secara instrumental adalah berkecenderungan ke arah prospek akademik ataupun kerjaya. Justeru, ia berkait rapat dengan sikap seseorang dalam mencapai matlamat tertentu daripada pembelajaran, seperti peluang pekerjaan dan pendidikan, atau kenaikan pangkat. Seseorang yang mempunyai sikap praktikal akan melihat pembelajaran bahasa atau kemahiran baharu sebagai alat untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Sikap yang berorientasikan matlamat ini boleh dilihat apabila individu menganggap penguasaan bahasa adalah sebagai sesuatu yang berguna dalam bidang tertentu seperti perniagaan atau akademik, tetapi bukan sebagai alat untuk berhubung secara sosial atau budaya dengan masyarakat. Seseorang yang bermotivasi secara instrumental mungkin mempunyai sikap yang lebih tertumpu kepada apa yang mereka boleh peroleh daripada pembelajaran bahasa. Sikap mereka sering kali dipandu oleh keperluan segera (seperti keperluan pekerjaan atau peluang perniagaan), dan bukan oleh minat mendalam terhadap bahasa atau budaya itu sendiri. Sikap adalah faktor penting yang mempengaruhi jenis motivasi seseorang dalam pembelajaran.

Bagi hubungan ini, terdapat enam soalan yang ditanya melalui borang soal selidik yang diedarkan hasil pengubahsuaian daripada soal selidik Siti Hajar Bidin et.al (2019). Soalan tersebut ialah bagi item dua iaitu “Saya tidak mempunyai pilihan selain mempelajari subjek bahasa Melayu” dan bagi item nombor lima pula ialah “Saya sentiasa memberi tumpuan yang sepenuhnya sewaktu pensyarah mengajar di dalam kelas”. Manakala bagi item nombor enam pula ialah “Saya sentiasa menyelesaikan tugas yang diarahkan oleh pensyarah saya”. Bagi item nombor tujuh ialah “Saya akan mendapatkan penjelasan daripada pensyarah sekiranya saya tidak memahami topik yang dibincangkan di dalam kelas” dan item nombor sepuluh ialah “ Sekiranya saya melakukan kesilapan dalam latihan yang diberikan, saya akan merujuk kepada pensyarah bagi mendapatkan jawapan dan penjelasan yang tepat dan betul”. Item soalan yang terakhir yang mempunyai hubungan sikap dalam motivasi intrumental ialah item nombor dua belas iaitu “Saya belajar bahasa Melayu kerana ini merupakan kursus wajib”.

Secara ringkasnya, dalam motivasi integratif, sikap yang positif terhadap bahasa dan budaya adalah pendorong utama untuk berjaya. Manakala dalam motivasi instrumental, sikap lebih cenderung kepada matlamat praktikal dan faedah yang boleh diperolehi daripada pembelajaran sesuatu bahasa.

Dapatan sikap pelajar antarabangsa terhadap kursus bahasa Melayu di UUM

JADUAL 2. Sikap yang Membantu Penguasaan Pembelajaran Bahasa Melayu

No.	Item	Sikap dalam mempelajari bahasa Melayu (%)						
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
6.	Saya sentiasa menyelesaikan tugas yang diarahkan oleh pensyarah saya	0	3.7	7.4	22.2	66.7	4.5185	0.80242

Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan, maklum balas responden akan dinilai berdasarkan kepada skala likert 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Merujuk kepada jadual 2, majoriti responden memperlihatkan sikap ingin menyelesaikan tugas yang diarahkan oleh pensyarah dengan nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 66.67 peratus. Sikap sebegini menunjukkan kesediaan dan minat pelajar yang tinggi dalam menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru di dalam kelas. Sikap sebegini amat penting kerana akan membantu mereka untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik dan efektif. Justeru, pelajar dapat menyiapkan tugas seperti pembentangan, kuiz, ujian mendengar, ujian lisan dan ujian bacaan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

JADUAL 3. Sikap yang Membantu Penguasaan Pembelajaran Bahasa Melayu

No.	Item	Sikap dalam mempelajari bahasa Melayu (%)						
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
4.	Saya ingin tahu lebih mendalam tentang bahasa Melayu	7.4	0	40.7	55.6	0	3.4815	0.70002
5.	Saya sentiasa memberi tumpuan yang sepenuhnya sewaktu pensyarah	0	0	7.4	37	55.6	4.4815	0.64273

mengajar di dalam kelas

Jadual 3 menunjukkan sikap kedua yang mendapat nilai peratusan tertinggi ialah pelajar sentiasa memberi tumpuan yang sepenuhnya sewaktu pensyarah mengajar di dalam kelas dan sikap pelajar ingin tahu lebih mendalam tentang bahasa Melayu dengan nilai peratusan sebanyak 55.6 peratus. Penumpuan di dalam kelas sangatlah penting dalam mempelajari sesuatu bahasa. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Nurul Imtiaz et. al (2024) yang menyatakan bahawa tempoh waktu pelajar fokus dalam pengajaran akan membantu mereka belajar dengan lebih berkesan.

JADUAL 4. Sikap yang Membantu Penguasaan Pembelajaran Bahasa Melayu

Sikap dalam mempelajari bahasa Melayu (%)								
No.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
9.	Saya suka jika pensyarah membantu saya menyiapkan latihan di dalam kelas	0	0	22.2	29.6	48.1	4.2593	0.81300

Jadual 4 menunjukkan peratusan ketiga tertinggi iaitu sikap pelajar suka jika pensyarah membantu mereka menyiapkan latihan di dalam kelas dengan kadar peratusan 48.1 peratus. Pelajar yang mempunyai sikap sebegini keseluruhannya akan mempunyai hubungan yang baik dengan pensyarah dan akan kerap bertanya dalam kelas bagi menyiapkan tugas yang diberikan.

JADUAL 5. Sikap yang Membantu Penguasaan Pembelajaran Bahasa Melayu

Sikap dalam mempelajari bahasa Melayu (%)								
No.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
2.	Saya tidak mempunyai pilihan selain mempelajari subjek bahasa Melayu	22.2	14.8	44.4	7.4	11.1	2.7037	1.23459
8.	Saya bertekad melakukan ulang kaji selepas habis kelas bahasa Melayu	11.1	7.4	44.4	22.2	14.8	4.2593	0.81300

Jadual 5 menunjukkan item soalan no 2 dan no 8 yang merupakan sikap keempat tertinggi iaitu sikap pelajar belajar bahasa Melayu kerana tidak mempunyai pilihan lain selain mempelajari subjek bahasa Melayu dan sikap pelajar akan mengulang kaji pelajaran selepas habis kelas bahasa Melayu menunjukkan kadar peratusan yang sama, iaitu 44.4 peratus. Hal ini kerana memandangkan subjek bahasa Melayu ini merupakan subjek teras program di universiti.

JADUAL 6. Sikap yang Membantu Penguasaan Pembelajaran Bahasa Melayu


No.	Item	Sikap dalam mempelajari bahasa Melayu (%)						Min	Sisihan Piawai
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju			
1.	Saya belajar bahasa Melayu kerana kehendak saya sendiri	3.7	3.7	14.8	37	40.7	4.0741	1.03500	
10.	Sekiranya saya melakukan kesilapan dalam latihan, saya akan merujuk kepada pensyarah bagi mendapatkan jawapan dan penjelasan yang tepat dan betul	0	7.4	18.5	33.3	40.7	4.0741	0.95780	
12.	Saya belajar bahasa Melayu kerana ini merupakan kursus wajib	0	3.7	18.5	40.7	37	4.1111	0.84732	

Jadual 6 menunjukkan terdapat tiga sikap yang mempunyai nilai peratusan yang sama iaitu sebanyak 40.7 peratus. Sikap tersebut ialah pelajar belajar bahasa Melayu kerana kehendak mereka sendiri. Selain itu, sikap sekiranya pelajar melakukan kesilapan dalam latihan yang diberikan, mereka akan merujuk kepada pensyarah bagi mendapatkan jawapan dan penjelasan yang tepat dan betul. Manakala sikap yang terakhir bagi peratusan ini ialah pelajar mempelajari bahasa Melayu kerana ini merupakan kursus wajib bagi program yang mereka ikuti di UUM.

JADUAL 7. Sikap yang Membantu Penguasaan Pembelajaran Bahasa Melayu

No.	Item	Sikap dalam mempelajari bahasa Melayu (%)					
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju	

		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
3.	Saya suka berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu dalam aktiviti harian saya	3.7	7.4	33.3	37	18.5	3.5926	1.00992
7.	Saya akan mendapatkan penjelasan daripada pensyarah sekiranya saya tidak memahami topik yang dibincangkan di dalam kelas	3.7	3.7	22.2	33.3	37	3.9630	1.05544
11.	Saya sangat meminati aktiviti pembelajaran bahasa Melayu	0	3.7	37	22.2	37	3.9259	0.95780



	Min
■ Integratif	3.9321
■ Instrumental	3.9753

RAJAH 2. Purata min bagi motivasi instrumental dan motivasi integratif

Secara umumnya, hasil analisis kajian memperlihatkan bahawa nilai min yang tertinggi diperolehi bagi dimensi motivasi instrumental, dengan skor 3.97. Sementara itu, motivasi integratif mencatatkan nilai min keseluruhan sebanyak, 3.93 (seperti rajah 2). Dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar antarabangsa mempunyai sikap yang positif dan penerimaan yang baik terhadap pembelajaran bahasa

Melayu. Mereka menganggap penguasaan bahasa Melayu sebagai suatu keperluan penting untuk komunikasi harian, interaksi sosial, dan juga keperluan akademik. Sikap positif ini juga dipengaruhi oleh minat pelajar terhadap budaya Melayu, yang mereka lihat sebagai suatu aspek yang menarik dan bermanfaat dalam memahami masyarakat tempatan dengan lebih baik. Sementara itu, dari sudut hubungan antara sikap dengan motivasi instrumental adalah lebih dominan, berbanding motivasi integratif. Namun, motivasi integratif juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan minat pelajar. Menurut Gardner (1985), pelajar yang mempunyai motivasi instrumental cenderung untuk mempelajari bahasa Melayu atas kepentingan akademik dan prospek kerjaya. Dalam konteks pelajar antarabangsa, motivasi instrumental ini merangkumi keinginan untuk mencapai keputusan peperiksaan yang baik. Juga berkeinginan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara serta memenuhi keperluan pengijazahan di universiti. Selain itu, juga untuk meningkatkan peluang perolehan pekerjaan dan serta memperoleh kedudukan sosial yang lebih baik. Hal ini turut disokong oleh dapatan daripada Zamri et al, (2015) yang menunjukkan bahawa faktor tersebut menjadi pendorong utama pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa Melayu.

Pelajar antarabangsa lazimnya dikaitkan dengan motivasi instrumental dalam pembelajaran bahasa Melayu kerana mereka mempelajarinya untuk tujuan akademik dan pekerjaan. Gardner (1985), menjelaskan motivasi instrumental adalah bertujuan untuk membentuk keinginan seseorang bagi meraih pengiktirafan atau keuntungan ekonomi melalui penguasaan sesuatu bahasa. Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan motivasi instrumental dalam kalangan pelajar antarabangsa begitu dominan. Hal ini kerana bahasa Melayu dilihat sebagai keperluan dalam kerjaya dan bahasa komunikasi mereka memandangkan bahasa Melayu begitu dominan di Malaysia. Apa yang menariknya ialah pelajar antarabangsa cuba berkomunikasi dalam bahasa Melayu, kebanyakan masyarakat tempatan memberi respons yang baik dan diterima oleh masyarakat, seperti yang dinyatakan oleh Halimah (2021). Manakala Khairul Nizam (2017) turut menegaskan kepentingan penggunaan bahasa Melayu, sehinggakan bahan bacaan dalam bahasa juga semakin dipergiat dan diperbanyakkan. Penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti harian yang meluas terutamanya dalam kalangan pelajar tempatan dan komuniti setempat menjadikan pelajar antarabangsa merasakan terdapatnya satu keperluan untuk menguasai bahasa Melayu. Apatah lagi bagi tujuan ekonomi mahupun kerjaya kerana keperluan tersebut begitu penting atas faktor persekitaran semasa. Justeru, faktor-faktor ini menyebabkan motivasi pelajar antarabangsa lebih cenderung ke arah motivasi instrumental berbanding integratif dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa utama.

Secara keseluruhan, hasil penyelidikan menunjukkan akan matlamat utama pelajar antarabangsa dalam menekuni dan mempelajari bahasa Melayu berpaksikan motivasi instrumental, yakni dengan tujuan kerjaya dan pencapaian akademik seperti menghadapi peperiksaan. Tujuan ini menjadi keutamaan bagi kebanyakan responden. Mereka melihat penguasaan bahasa Melayu sebagai satu keperluan strategik bagi meningkatkan peluang dalam bidang profesional dan pencapaian cemerlang dalam konteks pembelajaran. Dalam hal ini, para pendidik berperanan dalam memperkukuh motivasi instrumental pelajar dengan menekankan kepentingan bahasa Melayu dalam dunia pekerjaan serta keperluannya dalam sistem penilaian akademik. Pendedahan kepada aplikasi bahasa dalam situasi formal, urusan pentadbiran, dan komunikasi profesional dapat membantu pelajar memahami nilai praktikal bahasa tersebut. Mengikut Abdullah et al. (2012), unsur-unsur sosiobudaya tetap wajar diterapkan dalam pengajaran, namun perlu diseimbangkan dengan pendekatan yang menekankan kepentingan bahasa Melayu sebagai alat untuk mencapai kejayaan dalam bidang pekerjaan dan pendidikan. Hal ini penting agar pelajar antarabangsa melihat bahasa ini sebagai aset penting dalam pembangunan masa depan mereka.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini memberikan panduan yang berguna untuk pembuat polisi dan pentadbir pendidikan dalam merancang strategi yang menyokong pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Dengan memperkenalkan dasar-dasar yang menggalakkan integrasi budaya dan menyediakan sokongan pembelajaran yang mencukupi, institusi pendidikan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa dan memperkaya pengalaman pendidikan pelajar antarabangsa. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang tahap motivasi pelajar antarabangsa di Universiti Utara Malaysia dalam mempelajari bahasa Melayu, apa yang memotivasi mereka, dan cabaran yang mereka hadapi. Sumbangan ini penting untuk merancang dan melaksanakan program pengajaran bahasa yang lebih berkesan dan berpusatkan pelajar, yang akhirnya akan meningkatkan pengalaman pendidikan dan integrasi sosial pelajar antarabangsa di Malaysia. Kajian ini juga membuka ruang untuk penyelidikan lanjut dalam bidang pembelajaran bahasa kedua dan pendidikan antarabangsa, serta memberikan asas untuk kajian-kajian masa depan yang dapat memperluaskan lagi pemahaman kita tentang topik ini. Penyelidikan sedia ada hanya menggunakan 27 orang pelajar dan kajian akan datang reponden yang lebih ramai mungkin diperlukan bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi dapatan kajian. Melalui pendekatan yang berterusan dan penambahbaikan berasaskan bukti, pendidikan bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa dapat terus diperkukuh.

Dalam memastikan agar pembangunan sektor modal insan bagi institusi pendidikan mencapai kualiti seperti yang disasarkan, para pendidik seharusnya menyesuaikan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka dengan memberi fokus yang lebih kepada pendekatan yang menggalakkan kolaborasi efektif dalam kalangan pelajar. Di samping itu, pendidik wajar mendorong para pelajar bagi berfikir secara kritis, menyuarakan idea baharu, menggabungkan teori dengan amalan, serta menyediakan bahan pengajaran yang bersifat interaktif dan menyeluruh. Menurut Abaruscata (Halimah et al, 2021) pengajaran yang menggunakan pendekatan *hands-on*, *discovery learning* dan secara deduktif sangat digalakkan terutama dalam memperkukuhkan kemahiran pelajar. Oleh demikian, suasana bilik kuliah haruslah bersifat kondusif, menyokong aktiviti penerokaan dan eksperimen, serta merangsang daya kreativiti, serta memperkukuhkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan pelajar (Zamri et al, 2015).

Kesimpulannya, analisis statistik deskriptif menunjukkan perkaitan antara sikap pelajar antarabangsa berhubungan dengan pendidikan bahasa Melayu begitu positif dan kondusif bagi kejayaan pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan aktif daripada pensyarah dan pendekatan yang lebih berfokus kepada aplikasi praktikal bahasa akan terus menyokong keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin memberi penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia atas pembiayaan yang diberikan melalui Geran Penyelidikan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah 2023 (ID-15011339, No SO 21597). Penghargaan yang sama turut disampaikan kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah atas sokongan, kemudahan, serta bantuan yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H., Ab Sulaiman, W. I. W. A. & Zakaria, H. 2014. Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan. *Journal Name*, Volume(Issue), 1–10.
- Abu Bakar, S. S. & Subramaniam, S. 2012. Pengaruh motivasi instrumental dan integratif dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 54–61.
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. 1972. *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House Publishers.
- Gardner, R. C. 1985. *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Halimah Ma'alip, Khuzaiton Zakaria & Nurul Adila Zulkipli. 2021. Motivasi dan halangan bagi pelajar asing menguasai bahasa Melayu melalui pembelajaran secara dalam talian di Universiti Teknologi Malaysia. *LSP International Journal*, 8(2), 41–54.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. 2021. Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 16–28.
- Juwairiah Osman, Anis Nabilla Ahmad & Jamal Rizal Razali. 2018. Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA*, 9, 61–79.
- Kamaruddin Hussin. 1993. *Pengajaran Lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2023. *Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT 2023–2030*. Putrajaya: KPT.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. 2017. Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6(10), 1–11.
- Kholid, I. 2017. Motivasi dalam pembelajaran bahasa asing. *English Education: Jurnal Tadris Bahasa Inggris*, 10(1), 61–71.
- Kolb, D. A. 1984. *Experiential Learning: Experience as the Source of Learning and Development*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Mansor, A. A. & Ma'alip, S. 2020. Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1–17.
- Mohd Aziz Arifin, Faisal Mahmud Adam Ibrahim & Umi Machmudah. 2024. The impact of using a communicative approach to improve Arabic language proficiency. *EDUCATIO Journal of Education*, 9(1), 94–107.
- Norizah, A. 2005. *Sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya dalam kalangan pelajar universiti di selatan Thailand*. Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norul Hidayah Mamat@Muhammad & Nik Ahmad Hisham Ismail. 2021. Integration of emotional intelligence in teaching practice among university teachers in higher education. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(2).
- Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim & Shuhairimi Abdullah. 2020. Penguasaan kosa kata dalam komunikasi bahasa asing. *Journal of Human Development and Communication*, 9(1), 99–108.

- Nurul Imtiaz Abd Gani, Z. K. A. H. & Nurazwani Zakaria. 2024. Hubungan antara gaya pembelajaran dan tempoh waktu fokus: Implikasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 9(54).
- Rosita Kunyo & Ruhizan Mohammad Yasin. 2021. Sikap dan motivasi pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran bahasa Iban. *Malaysian Journal of Social Sciences*.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Bidin, Hiyama Junko Abdullah, Nurul Sabrina Zan et al. 2019. Faktor sikap, motivasi dan jantina mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Jepun tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 16(1), 105–115.
- Tan, H. A. & Tan, T. L. 2021. Sikap dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di universiti teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 450–460.
- V. Ravindran M. Veloo & Adenan Ayob. 2024. Pembelajaran abad ke-21: Implikasi terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu murid sekolah menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5(37).
- Zaliza Mohamad Nasir. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 408–415.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. 2015. *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zubairi, A., Ainol Madziah, Z. & Isarji, H. S. 2009. Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2).

Biodata Penulis:

Nasrol Hadi Ahmad Shukeri (Sarjana) ialah Guru Bahasa di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Unit Bahasa Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Che Hasniah Ya'acob (Sarjana) ialah Guru Bahasa di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Unit Bahasa Antarabangsa (UBA), Universiti Utara Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Mohd Ammyrul Ashraf, (Ph.D.) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Unit Pengajian Islam dan Falsafah (UPIF), Universiti Utara Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah politik Islam, pemikiran Islam dan falsafah Islam.